

# 26 tahun tak berhenti belajar

Nur Kamilah mahu menuntut ilmu selagi mampu walau sudah memiliki Ijazah Kedoktoran

**BATU PAHAT** - Usahanya yang tidak pernah berhenti menuntut ilmu sejak 26 tahun lalu tidak sia-sia apabila dia kini bergelar doktor falsafah selepas menerima Ijazah Kedoktoran (PhD) pada Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), baru-baru ini.

Dr Nur Kamilah Yusuf, 29, mula menjejakkan kaki ke dalam persekolahan seawal usianya 3 tahun dan ketika usianya 4 tahun, dia sudah mewakili Johor untuk pertandingan bercerita.

Menurut Nur Kamilah, dia tidak mempunyai resipi untuk berjaya, cuma mengagalkan sikap menghormati guru, pensyarah dan paling penting ialah kedua ibu bapanya iaitu Yusuf Md Sheh, 70, dan Salbiah Mostam, 65.

Kata anak bongsu dari pada empat beradik ini, dia juga menjadikan kejayaan kakak dan abangnya sebagai pendorong untuknya berjaya.

"Saya tak ada kaedah pembelajaran yang diamalkan, hanya tumpu kepada apa yang diajar oleh guru dan juga pensyarah selain rajin bertanya sekiranya terdapat sebarang permasalahan."

"Saya selalu tanamkan



Nur Kamilah bersama bapa dan ibunya, melihat skrol Ijazah Kedoktoran yang diterimanya.

dalam diri bahawa selagi kita boleh menuntut ilmu selagi itulah saya akan lakukan. Mungkin sebab saya suka nak tahu perkara-perkara baru membuatkan saya tak pernah berhenti belajar dan minat baca buku," katanya yang juga pemenang Anugerah Nadi Negara dan Anugerah Khas Hal Ehwal Pelajar UTHM.

Nur Kamilah yang kini

bekerja sebagai pensyarah berkata, kehidupannya tidaklah 100 peratus berhadapan dengan buku sahaja, tetapi sekiranya ada waktu luang dia juga gemar melakukan aktiviti fizikal seperti mendaki gunung dan berlari.

Katanya yang mengajar dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, restu daripada ibu bapa amatlah penting sekiranya mahu melaku-

kan sesuatu dan itulah yang dilakukannya.

"Ibu dan ayah saya memang galakkan saya belajar sehingga ke peringkat tertinggi, tapi mereka juga selalu pesan jangan terlalu jadi ulat buku, sebaliknya lakukan juga kegiatan luar.

"Paling penting mereka selalu ingatkan saya supaya sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki," katanya



Nur Kamilah bersama skrol dan anugerah khas yang diterimanya pada Majlis Konvokesyen UTHM, baru-baru ini.

yang turut aktif dalam aktiviti debat dan pernah menyertai Debat Diraja IPTA.

Nur Kamilah juga bakal melakar sejarah apabila menjadi salah seorang pendaki gunung tertinggi di dunia, Gunung Everest pada tahun hadapan.

Menurutnya, pendakian itu dilakukan sempena ulang tahun UTHM ke-25.

"Saya dah 11 tahun be-

rada di UTHM iaitu sejak 2006 lagi, jadi saya berasa terhutang budi dengan universiti ini dan inilah masanya untuk saya membalaunya.

"Saya mahu mengharumkan nama UTHM dan berharap selepas ini ada banyak lagi perkara yang boleh saya lakukan untuk universiti ini," katanya yang kini berjinak-jinak dalam bidang pengacaraan.